

Penilaian Hadith Maudhu' Dalam Kitab al-Yawaqit wa al-Jawahir fi 'Uqubah Ahli al-Kabair , karangan Muhammad Ali Bin Abdul Rasyid Bin Abdullah al-Jawi al-Qadhi al-Sambawi

Assessment of False Hadith in Kitab al-Yawaqit wa al-Jawahir fi' Uqubah Ahli al-Kabair by Muhammad Ali Bin Abdul Rasyid Bin Abdullah al-Jawi al-Qadhi al-Sambawi

Mohd Fauzi Mohd Amin¹, Kabiru Goje², Amiruddin Mohd. Sobali³, Nurul Asiah Fasehah Muhammad¹

¹ *Profesor Madya, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Malaysia.*

² *Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Malaysia.*

³ *Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Malaysia.*

Article progress

Diterima: 29 Januari 2018

Disemak: 21 Februari 2018

Diterbit: 30 November 2018

**Corresponding author:*

Mohd Fauzi Mohd Amin,
Fakulti Pengajian Quran dan
Sunnah, Universiti Sains Islam
Malaysia, Bandar Baru Nilai,
Malaysia.

Email:

fauziamin@usim.edu.my

Abstrak: Penulis cuba membincangkan dan memperkenalkan sebuah kitab jawi iaitu Kitab *al-Yawaqit wa al-Jawahir fi 'Uqubah Ahli al-Kabair*, yang dikarang oleh Muhammad Ali Bin Abdul Rasyid Bin Abdullah al-Jawi al-Qadhi al-Sambawi ditulis sekitar kurun ke 19 Masihi. Kitab ini dianggap penting dan telah digunakan secara meluas sebagai bahan pembelajaran samada di masjid-masjid dan di sekolah-sekolah pondak. Kandungannya terdapat banyak hadith-hadith yang berbentuk galakan melakukan kebaikan dan amaran daripada kejahatan. Ia mengandungi 12 bab dimulakan dengan bab ancaman sesiapa yang meninggalkan sembahyang dan diakhiri dengan bab sifat syurga dan ahlinya. Berdasarkan kajian didapati kitab ini mempunyai kebaikan dan kekurangannya, hadith-hadith di dalamnya terdapat berbagai status ada sahih, hasan, dhaif dan maudu'. Kajian ini berbentuk kajian perpustakaan. Penulis membataskan kajian terhadap hadith yang berstatus maudu' di dalamnya, jumlah keseluruhan hadith dalam kitab ini adalah 87 hadith dan hasil kajian mendapati sejumlah hadith maudu' telah ditemui iaitu sebanyak 32 hadith maudu'.

Kata kunci: Hadith Maudhu', Kitab Jawi, Sekolah Pondok, al-Yawaqit

Abstract: The author discusses and introduces a jawi book, Kitab *al-Yawaqit wa al-Jawahir fiqub al-Kabair*, written by Muhammad Ali bin Abdul Rasyid bin Abdullah al-Jawi al-Qadhi al-Sambawi in the 19 AD. This book is considered important and has been widely used as a learning material in mosques and traditional schools. It contains many hadiths in the form of encouragement to do good and warn of evil doings. It has 12 chapters beginning with the chapter of the threat of those who abandon the Prayer and end with the chapters of heaven and its members. This study is a library study. This study found that this book has its advantages and disadvantages. The hadiths are categorised into authentic, hasan, dhaif and maudu'. The author limits the study to hadith maudu'. Out of 87 hadith, it is found that the number of hadith maudu' is 32 hadith.

Keywords: false hadith, jawi book, traditional school, al-Yawaqit, al-Sambawi

Pendahuluan

Alhamdulillah segala pujian bagi Allah SWT. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah memberi kesan yang besar terhadap kebudayaan, pendidikan, pemikiran, kepercayaan dan sebagainya ke atas penduduknya. Islam telah menjadi asas pegangan hidup mereka setelah sekian lama berpegang dengan taqlid hindu, budha dan kepercayaan animisme.

Daripada perkembangan ajaran Islam tersebut, dapat dilihat kesan besarnya ialah dalam bidang pendidikan dan perkembangan keilmuan di seluruh Alam Melayu, seperti lahirnya pusat-pusat pengajian, berkembangnya kegiatan penulisan dan munculnya tokoh-tokoh ilmuwan Islam.

Perkembangan kegiatan penulisan telah berlaku dengan pesat lebih-lebih lagi pada kurun ke 18 dan seterusnya, yang mana penulisan jawi telah memainkan peranannya dalam menyebarkan ilmu pengetahuan termasuk ilmu-ilmu berbentuk tradisi Islam seperti tasawuf, fiqh, hadith, tafsir, tajwid, tauhid, akhlak, faraid dan sebagainya, ia dikenali sebagai kitab kuning tersebar di seluruh Alam Melayu seperti Pattani, Aceh, Kelantan, Johor, Terengganu, Brunei, Kalimantan dan sebagainya.

Kitab-kitab jawi yang tersebar ini umpamanya kitab *Al-Mawahib Al-Makkiyah Fi Tajwid Al-Adabiyah* oleh Al-Syaikh Abdul Qadir Bin Abdul Rahman Al-Fatani, kitab *Kasyfu Al-Ghummah* oleh Al-Syaikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani, kitab *Tanbih Al-Ghafilin* oleh Al-Syaikh Abdullah Bin Abdul Mubin, kitab *'Aqidah Al-Najin Fi 'Ilmi Usul Al-Din* oleh Al-Syaikh Zainul Abidin Bin Muhammad Al-Fatani, kitab *Al-Jawhar Al-Mawhub Wa Munabbihat Al-Qulub* oleh Al-Syaikh Ali Kutan, kitab *Miftah Al-Jannah Fi Ilmi Usul Al-Din* oleh Al-Syaikh Muhammad Taib Ibn Mas'ud Al-Banjari dan lain-lain lagi.

Contoh kitab-kitab yang tersebar di Alam Melayu yang merupakan kitab penting dan terkenal ialah kitab *Al-Yawaqit Wa Al-Jawahir Fi 'Uqubati Ahli Al-Kabair* oleh Al-Syaikh Muhammad Ali Bin Abdul Rasyid Al-Sambawi. Kitab ini akan penulis jelaskan dan perkenalkan dengan lebih terperinci, tentang pengenalan pengarangnya, pengenalan tentang kitab, kelebihan dan kekurangannya dan beberapa contoh hadith maudhu' yang terdapat di dalamnya.

Pengarang Kitab *Al-Yawaqit Wa Al-Jawahir Fi 'Uqubati Ahli Al-Kabair*

Pengarang kitab ini ialah Al-Syaikh Muhammad 'Ali Bin Abdul Rasyid Bin Abdullah Al-Qadhi Al-Jawi Al-Sumbawi. Beliau berasal daripada wilayah Sumbawa yang terletak di Kalimantan Indonesia. Beliau sezaman dengan Al-Syaikh Daud Bin

Abdullah Fatani, mereka berdua seguru dalam menerima tarikat Al-Syazaliyah dan beliau berbaiah sekali dengan Al-Syaikh Muhammad Salih Bin Ibrahim Al-Rais (1187-1240 H). Tarikh kelahiran dan kewafatan beliau setakat ini belum dapat dikesani¹.

Pengenalan Kitab *Al-Yawaqit Wa Al-Jawahir Fi 'Uqubati Ahli Al-Kabair*

Kitab ini telah ditulis pada tahun 1243 H. Di dalamnya dimuatkan hadith-hadith yang berkaitan dengan amaran keras terhadap sesiapa yang melakukan dosa-dosa besar dan juga galakan melakukan amalan-amalan kebajikan. Kitab *Al-Yawaqit Wa Al-Jawahir Fi 'Uqubati Ahli Al-Kabair* ini sebagaimana yang disebutkan oleh pengarang pada bahagian pendahuluannya merupakan hasil terjemahannya daripada kitab arab yang ditulis oleh Al-Syaikh Abdul Wahab Al-Syakrani, Al-Syaikh Muhammad Ali Abdul Rasyid menterjemahkannya daripada bahasa arab kepada bahasa melayu. Penulis telah meneliti kitab yang ditulis oleh Al-Syakrani ini dan didapati ia bukanlah kitab yang berkaitan dengan hadith seperti mana Kitab *Al-Yawaqit Wa Al-Jawahir Fi 'Uqubati Ahli Al-Kabair* yang ditulis oleh Al-Syaikh Muhammad Ali Bin Abdul Rasyid. Tetapi ia adalah kitab aqidah dan tauhid.

Terkandung di dalam *Al-Yawaqit Wa Al-Jawahir Fi 'Uqubati Ahli Al-Kabair* lebih kurang 87 buah hadith yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu kebanyakannya tanpa dinyatakan lafaz dan matan arabnya, juga tidak dinyatakan sanadnya. Terkandung dalamnya sebanyak 12 bab iaitu seperti berikut:-

Bab pertama balasan sesiapa yang meninggalkan solat. Bab kedua balasan menderhakai kedua ibu bapa. Bab ketiga balasan peminum arak. Bab keempat balasan penzina. Bab kelima balasan peliwat. Bab keenam balasan memakan riba. Bab ketujuh balasan meratapi dan pahala kesabaran bala. Bab delapan balasan yang enggan menunaikan zakat. Bab kesembilan balasan kepada pemutus silaturrahim. Bab kesepuluh menerangkan hak isteri keatas suaminya. Bab kesebelas huru hara hari Qiamat. Bab kedua belas menerangkan sifat syurga dan neraka.

Kitab ini telah dicetak oleh beberapa buah pusat percetakan iaitu 1) Maktabah Al-Maarif Sungai Pinang Road P.Pinang, tidak dinyatakan tarikhnya. 2) Maktabah Isa Al-Babi Al-Halabi Kahirah Mesir, tidak dinyatakan tarikhnya. 3) Maktabah Al-Tarqi Al-Majdiyah Mekah, tahun 1329H.

¹ وان محمد صغير عبد الله (2001م)، فتيانان إسلام دان سلسلة علماء سجاكت دنيا ملايو. كوالا لمبور: خزنة الفطانية. ج14. ص1.

Kepentingan Kitab *Al-Yawaqit Wa Al-Jawahir Fi 'Uqubati Ahli Al-Kabair*

Kitab *Al-Yawaqit Wa Al-Jawahir Fi 'Uqubati Ahli Al-Kabair* ini adalah sebuah kitab yang dianggap penting dalam masyarakat kita, kerana kitab ini telah digunakan dalam pengajaran di masjid-masjid dan madrasah pondok. Ia juga tersebar di kalangan masyarakat dan dicetak serta dijual di kedai-kedai buku secara meluas.

Kepentingan kitab ini terserlah kerana di dalamnya dimuatkan sejumlah hadith yang dapat mendidik peribadi muslim yang taat dan patuh kepada perintah Allah SWT dan takut melakukan dosa dan kemungkaran. Hadith yang terkandung di dalamnya berbentuk amaran dan celaan ke atas sesiapa yang melakukan dosa-dosa besar dan maksiat kepada Allah SWT seperti meninggalkan solat, ancaman ke atas penzina, peliwat, minum arak, makan harta riba, derhaka kepada kedua ibu bapa dan lain-lain lagi. Dengan meneliti kepada amaran dan ancaman azab daripada hadith-hadith yang diutarakan pembaca boleh merasa gerund dan takut untuk melakukan dosa-dosa tersebut lalu menjauhinya dan kembali kepada Allah SWT.

Kitab ini dianggap penting juga kerana di dalamnya dimuatkan hadith-hadith yang berkaitan dengan galakan agar melakukan suruhan Allah SWT. Kitab ini dapat mendidik pembaca supaya mereka sentiasa berusaha melakukan amalan ibadat dan kebajikan dengan itu ia dapat mendidik peribadi muslim menjadi insan soleh yang mencari keredhaan Allah SWT. Ini dapat dilihat seperti hadith berkaitan solat dalam bab pertama bermaksud "*Sembahyang lima waktu adalah ia seperti sungai mengalir di hadapan pintu rumah salah seorang daripada kamu maka mandilah ia daripadanya pada tiap-tiap hari lima kali adakah tinggal lagi atasnya dakinya maka sembah sekalian sahabat tiada tinggal wahai Rasulullah SAW, maka sabdanya demikianlah sembahyang lima waktu itu menghapuskan ia akan segala dosa*"².

Begitu juga dalam bab seterusnya seperti hadith dalam bab 7 bermaksud "*Barang siapa sabar atas kematian satu anak daripada beberapa anaknya adalah baginya diberi Allah SWT pahala seperti Jabal Uhud dan barang siapa sabar atas kematian dua anaknya adalah baginya diberi oleh Allah SWT cahaya yang berjalan-jalan dihadapan mereka itu dan barang siapa sabar atas kematian tiga anaknya sesungguhnya telah ditutupkan oleh Allah pintu neraka dan barang siapa sabar atas kehilangan matanya maka adalah ia yang awal-awal melihat kepada zat Allah yang maha*

besar..."³. Ini adalah di antara contoh hadith galakan dan kegembiraan kepada mereka yang taat dan patuh kepada perintah Allah SWT.

Kekurangan Kitab *Al-Yawaqit Wa Al-Jawahir Fi 'Uqubati Ahli Al-Kabair*

Setelah meneliti kepada kelebihan yang ada pada kitab *Al-Yawaqit Wa Al-Jawahir Fi 'Uqubati Ahli Al-Kabair*, kini penulis cuba meneliti terhadap kekurangan-kekurangan yang ada padanya.

Perkara yang jelas terhadap kekurangan kitab ini ialah pengarang tidak menyatakan sumber hadith. Sebagaimana yang dimaklumi bahawa setiap hadith yang dinyatakan di dalam kitab untuk berdalil atau berhujah dengannya perlu dinyatakan daripada mana hadith itu diambil umpamanya daripada Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Tirmizi atau daripada sumber kitab-kitab hadith yang lain. Perkara ini penting kerana dibimbangi apa yang disandarkan kepada Rasulullah SAW samada percakapan, perbuatan, pengakuan dan sebagainya sebenarnya bukan yang datang daripada Rasulullah SAW oleh itu akibatnya ia telah menjerumuskan diri ke arah kemurkaan Allah SWT sebagaimana amaran yang dinyatakan dalam hadith mutawatir bermaksud "*Barang siapa yang sengaja berdusta atas namaku, maka hendaklah dia menduduki tempat duduk di neraka*" dan boleh membawanya kepada amalan-amalan bida'ah yang boleh menyesatkan.

Merujuk kepada sejauh mana status hadith yang dikemukakan dalam kitab ini juga tidak diketahui, seperti sahih, dhoef, hasan dan maudu'. Pengarangnya tidak menjelaskan status hadith dan juga sanad-sanad hadith.

Penyusunan dan teknik pengumpulan hadith dalam kitab ini tidak begitu tersusun yang boleh menyenangkan pembaca untuk membacanya dan menelitinya. Jika diteliti kepada kitab-kitab hadith yang biasa didapati di perpustakaan seperti sahih Al-Bukhari, sahih Muslim, Sunan Abu Daud dan lain-lain lagi dapat dilihat pengarangnya telah melakukan teknik penyusunan hadith yang boleh memudahkan pembaca membacanya dan menelitinya iaitu penyusunan bermula dengan nama Kitab di dalamnya dikumpulkan hadith yang berkaitan dan sesuai dengan kitab (tajuk) tersebut, selepas itu di bawahnya disusun mengikut nama Bab yang lebih kecil dan hadith-hadith itu diletakan nombornya satu persatu supaya mudah dicari.

Dapat dilihat secara jelas juga iaitu bentuk tulisan yang kurang terang dan cetakan huruf yang kadang-kadang sukar untuk membacanya. Pengarang juga tidak menyatakan matan hadith dalam bahasa arab pada kebanyakan hadith yang dipaparkan. Jika

² Muhammad Ali Bin Abdul Rasyid (t.t) Patani. *Al-Yawaqit Wa Al-Jawahir Fi 'Uqubati Ahli Al-Kabair*. Hlm 4.

³ Ibid. Hlm 24.

disertakan matan atau lafaz arab nescaya akan dapat memudahkan kepada pengkaji hadith jika sekiranya dia ingin mengkajinya termasuklah mentakhrijkannya, dan sekiranya pembaca kurang jelas maksud hadith yang dipaparkan itu sudah pasti lafaz arabnya akan dapat membantu dan memberi pedoman dalam mentakhrijkannya menerusi kitab-kitab hadith yang muktabar.

Kajian hadith maudhu' dalam Kitab *Al-Yawaqit Wa Al-Jawahir Fi 'Uqubati Ahli Al-Kabair*

Artikel ini akan memaparkan kajian hadith maudhu' yang terdapat dalam kitab ini menjurus kepada bab pertama sahaja iaitu bab balasan ke atas sesiapa yang meninggalkan solat, ia adalah sebagai contoh kajian. Dalam mengkaji dan menilai sesuatu hadith ia tidak terlepas daripada menggunakan kaedah takhrij hadith sebagaimana yang ditetapkan oleh ulamak hadith. Dalam kajian ini juga penulis menggunakan kaedah ilmu takhrij hadith.

Dalam kitab ini jumlah hadithnya lebih kurang 87 hadith, daripada jumlah tersebut penulis mendapati beberapa hadith yang bertaraf sahih, hasan, dho'ef dan mawdu'. Contoh-contoh katogeri hadith tersebut adalah seperti berikut:-

Contoh hadith sahih:-

ما فرقوا بين المسلم والمنافق إلا بترك الصلاة فإن تركها جاحدا لوجوبها كان كافرا

Bermaksud: *Tiada beza antara orang islam dengan orang munafik melainkan orang yang meninggalkan sembahyang, maka apabila ditinggalkan dia kerana ingkar akan wajibnya maka adalah ia kafir yang nyata.*

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Muslim dan Tirmizi dengan sedikit perbezaan pada lafaznya namun ia tidak menjejaskan maksud hadith kitab ini.

Iaitu hadith⁴

بين الرجل وبين الشرك والكفر ترك الصلاة

Contoh Hadith- hadith Dhoeef:-

Bermaksud: *Sembahyang itu tiang agama barang siapa yang mendirikan dia maka sanya telah mendirikan agama dan barang siapa yang meninggalkannya seolah-olah ia meruntuhkan agama.* Menurut al-'Ajluni hadith ini diriwayatkan oleh sebilangan ahli fekah⁵. Al-Sakhawi melapurkan dalam kitabnya bahawa hadith ini sanadnya adalah dhoeef kerana ia diriwayatkan melalui 'Ikrimah daripada Umar secara marfu' dimana Hakim berpendapat I'krimah tidak mendengar hadith itu

daripada Umar tetapi sebenarnya beliau mendengar daripada Ibn Umar⁶.

Hadith ini diriwayatkan juga oleh al-Dailami dengan sanadnya daripada Ali daripada Nabi SAW dengan lafaz yang sedikit berbeza⁷. Zailai' menghukumkan hadith Dailami ini sebagai dhoe'f kerana dalam sanadnya terdapat Al-Harith A'kwar beliau adalah lemah⁸. Al-Zubaidi sependapat dengan Al-A'jluni yang menyatakan hadith ini terdapat dalam kitab-kitab fekah Hanafiah dengan menambah lafaz dibahagian akhir hadith itu⁹.

Ibn Salah telah menyatakan bahawa hadith ini tidak dapat dikesani, manakala Nawawi pula berpendapat hadith ini adalah mungkar dan batil¹⁰.

Contoh Hadith-hadith Mawdu'

Hadith ini dalam kitab *Alyawaqit* berasal daripada Bahasa Melayu kemudian ditakhrijkan ke dalam Bahasa Arab seperti berikut:

روي أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال، أوصيكم أن لا تتركوا الصلاة، ويروا والديكم، ولا تؤذوا (لا تعذبوا / لا تؤلموا) جارية أو عبدا بتكليفه بما لا يقدر (لا يستطيع)، وأن بر الوالدين يزيد في العمر. وقال: والله الذي خلقني بيد قدرته أن عبدا كان بقية عمره مكتوب ثلاث سنوات، وكان باراً للوالدين يزيد الله عمره من ثلاث سنوات إلى ثلاثين سنة.

Dalam kitab *Al-Yawaqit* ditulis dalam Bahasa Melayu dengan tulisan jawi seperti berikut:

Sabda Rasulullah SAW, Aku berwasiat akan kamu bahawa jangan kamu meninggalkan sembahyang, dan berbuat bakti bagi ibu bapa kamu, dan jangan kamu menyakiti akan sahaya kamu dengan perkara yang tiada kuasanya, kerana bahawasanya orang yang berbuat bakti kepada ibu bapanya itu bertambah2 panjang umurnya. Sabdanya demi tuhan yang menjadikan akan daku dengan tangan kudratNya bahawa adalah seorang hamba sungguhnya telah tinggalah daripada umurnya tiga tahun kemudian maka sembahnya berbuat bakti ia akan ibu bapanya maka dijadikan Allah Ta'ala akan umurnya yang tiga tahun itu tiga puluh tahun.

Setelah dinilai kepada lafaz yang disebutkan ini jelas terkandung dalamnya dua perkara, perkara pertama ialah pesanan Nabi SAW agar jangan meninggalkan solat fardhu dan perlu ke atas seorang muslim itu melakukan kebaikan kepada ibubapa dan jangan menghina orang suruhan (hamba) dengan perkara yang tidak mampu dilakukannya. Perkara yang kedua pula ialah menunjukkan bahawa melakukan kebaikan kepada ibubapa boleh menambah umur, seumpamanya jika umur seseorang itu telah ditetapkan berbaki tiga tahun

⁶ Al-Sakhawi. 1985. *Maqasid al-Hasanah*. Hlm 7.

⁷ Al-Dailami. 1986. Juz2. Hlm 404.

⁸ Al-Manawi. 1938. Juz 4. Hlm 248.

⁹ Al-Zubaidi. t.t. Juz 3. Hlm 9.

¹⁰ Al-Sakhawi. 1985.. Hlm 428.

⁴ Muslim, Tirmizi

⁵ Ajluni. 1982. *Kasyfu al-Khafa'*. Juz 2, Hlm. 40.

lalu dia membuat kebaikan kepada dua ibubapanya akan dipanjangkan umurnya dari tiga tahun kepada tiga puluh tahun.

Penilaian Hadith

Lafaz hadith seperti yang termaktub tidak dapat dijumpai dalam kitab hadith selepas dibuat kajian serta tiada padanya sanad. Tetapi terdapat lafaz yang berlainan yang hampir sama sudut maknanya, demikian itu dalam dua hadith. Hadith pertama berkaitan wasiat Nabi SAW dan hadith kedua ialah bertambah umur dengan sebab melakukan kebaikan.

Hadith wasiat adalah seperti berikut:

"أوصيكم بالصلاة، أو صيكم بما ملكتم أيمانكم ثم قضى عندها"¹¹.

Hadith ini dikeluarkan oleh Ibn Asakir dalam kitabnya *Tarikh Baghdad*, dalam sanadnya terdapat perawi bernama al-A'bbas bin Abdul Muttalib daripada Thabit al-Bunanyyu dia mungkar al-hadith tidak ada periwayatan daripadanya kecuali Abdul Aziz bin al-Husain, berkata Ibn Ma'ain dia adalah dhai'f. Sementara Muslim pula berkata dia adalah *dzahir al-hadith*. Ibn A'diy pula berkata beliau adalah dhai'f dalam riwayat-riwayatnya nyata.¹²

Juga riwayat daripada al-Zuhri hadith-hadith *masyahir* dan hadith-hadith *manakir*. Adapun dalam riwayat *al-Fawa'id al-Syahir bi al-Ghilaniyat*, bab *majlisu al-Aakhar* sanadnya adalah dhai'f kerana padanya terdapat Suwa'id dia adalah *majhul*.¹³

Sementara hadith yang kedua pula ialah kebaikan atau kebajikan boleh menambah akan umurnya. Dalam isu ini secara umumnya terdapat lafaz periwayatan yang berbeza-beza seperti berikut:-

Lafaz pertama ialah:

"لا يرد القدر إلا بالدعاء ولا يزيد في العمر إلا البر."

Hadith dengan lafaz ini diriwayatkan oleh sekumpulan *ashab* kitab-kitab hadith¹⁴

Sanadnya adalah sahih. Apa yang dimaksudkan tiada penambahan pada umur kecuali pada kebaikan seperti

dalam hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Abi Hatem menerusi kitabnya *I'lal al-Hadith*.¹⁵

Lafaz yang kedua adalah:

"بِرِّ الْوَالِدَيْنِ يَزِيدُ فِي الْغُمْرِ، وَالْكَذِبُ يَنْقُصُ مِنَ الرِّزْقِ، وَالِدَعَاءُ يَرْدُ الْقَضَاءَ."

Hadith ini telah dikeluarkan oleh Ibn A'diy dalam kitabnya *al-Kamil fi al-Dhu'afa al-Rijal* dan Abu al-Syeikh al-Asbahani dalam kitabnya *al-Fawa'id* daripada Abi Hurairah.¹⁶

Telah berkata Ibn A'diy bahawa hadith ini dengan sanad ini mungkar, serta Khalid bin Ismail al-Makhzumi ini adalah bukan yang disebutkan dalam hadith, keseluruhan hadithnya adalah seperti ini, ternyata ianya adalah dalam senarai hadith *maudhu'* keseluruhannya.¹⁷

Berkata al-Dazahabi bahawa al-Makhzumi nama sebenarnya Khalid bin Ismail al-Makhzumi al-Madini dia dituduh pembohong, berkata Ibn A'diy: Dia seorang pemalsu hadith, berkata Ibn Hibban: Tidak boleh diambil hujjah dengannya.¹⁸

Sementara daripada sanad Abi al-Syeikh al-Asbahani dalam kitab *al-Fawa'id* ia adalah dhoef yang bersangatan kerana pada sanadnya terdapat perawi bernama Uthman bin Abdul Rahman al-Waqasi dia seorang matruk al-hadith, telah berkata Yahya bin Mai'n hadithnya tidak dituliskan dia juga seorang pendusta, telah berkata Ibn Hibban: Dia meriwayatkan daripada perawi *thiqah* tentang *maudhu'at* tidak harus mengambil hujah dengannya. Albani menghukumkannya sebagai *maudhu'* dengan sebab al-Waqasi.²⁰

Lafaz yang ketiga ialah seperti berikut:

"إِسْبَاغُ الْوُضُوءِ يُزِيدُ فِي الْغُمْرِ"

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Ibn Abi Hatim dalam kitabnya *I'lal al-Hadith* daripada Anas bin Malik ini adalah bukan hadith yang sahih.²¹

Lafaz yang keempat adalah:

يلفظ ما فيه قصة في بني إسرائيل ملكان أخوان على مدينتين.

¹¹ أبو القاسم علي بن حسن ابن عساكر (1996م). تاريخ مدينة دمشق. تحقيق محب الدين أبي سعيد عمر. بيروت: دار الفكر. ج. 36. ص. 275;

¹² شمس الدين الذهبي. ميزان الاعتدال. ج. 2. ص. 627.

¹³ المرجع نفسه. ج. 2. ص. 247.

¹⁴ علاء الدين بلبلان الفارسي ابن حبان. صحيح ابن حبان. كتاب الرقائق. ج. 2. ص. 116؛ والحاكم النيسابوري. المستدرک علی الصحیحین. كتاب الدعاء والتكبير والتلهيل. ج. 1. ص. 670؛ محمد بن عيسى بن سورة الترمذي. سنن الترمذي. كتاب القدر. ج. 4. ص. 200؛ وأحمد بن حنبل. مسند أحمد بن حنبل. كتاب مسند الأنصار. ج. 16. ص. 299؛ وأبو جعفر الطحاوي. مشكل الآثار. ج. 4. ص. 169؛ والحسين بن مسعود البغوي (1983م)، شرح السنة. كتاب البر والصلة. بيروت: المكتبة الإسلامية. ج. 13. ص. 6.

¹⁵ أبو محمد عبد الرحمن الرازي الحافظ (1343هـ)، علل الحديث. القاهرة: مكتبة المثنى. ج. 1. ص. 52.

¹⁶ أبو أحمد عبد الله بن عدي الجرجاني (1988م)، الكامل في ضعفاء الرجال. بيروت: دار الفكر.

ج. 3. ص. 43.

¹⁷ المرجع نفسه. ج. 3. ص. 43.

18

¹⁹ شهاب الدين بن حجر العسقلاني (1326هـ)، تحذیب التهذیب. الهند: مجلس دائرة المعارف.

ج. 7. ص. 133.

²⁰ محمد ناصر الدين الألباني. سلسلة الأحاديث الضعيفة والموضوعة. ج. 3. ص. 622.

²¹ أبو محمد عبد الرحمن الرازي الحافظ. علل الحديث. ج. 1. ص. 52.

Yang dikeluarkan oleh al-Khatib al-Baghdadi dalam Tarikh Baghdad, Ibn Asakir dalam Tarikh Dimashq, Ibn al-Jawzi dalam al-Muntazim fi Tarikh al-Umam dan dalam Bir wa al-Silah, dalam semua jalur sanadnya perawi bernama Abdul Somad bin Ali daripada Abdullah bin Abbas, daripada Nabi SAW.

عن النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنَّهُ كَانَ فِي بَنِي إِسْرَائِيلَ مَلَكٌ كَانَ أَخَوَانِ عَلَى مَدِينَتَيْنِ، وَكَانَ أَحَدُهُمَا بَرًّا بِرَجْمِهِ، عَادِلًا عَلَى رَعِيَّتِهِ، وَكَانَ الْآخَرُ عَاقًا بِرَجْمِهِ، جَائِرًا عَلَى رَعِيَّتِهِ، وَكَانَ فِي غَضَبِهِمَا نَبِيٌّ فَأَوْحَى اللَّهُ تَعَالَى إِلَى ذَلِكَ النَّبِيِّ، أَنَّهُ قَدْ بَقِيَ مِنْ غَمْرِ هَذَا الْبَارِ ثَلَاثُ سِنِينَ، وَبَقِيَ مِنْ غَمْرِ هَذَا الْعَاقِ ثَلَاثُونَ سَنَةً، قَالَ: فَأَخْبَرَ النَّبِيَّ رَعِيَّةَ هَذَا وَرَعِيَّةَ هَذَا، فَأَخْزَنَ ذَلِكَ رَعِيَّةَ الْعَادِلِ وَأَخْزَنَ ذَلِكَ رَعِيَّةَ الْجَائِرِ قَالَ: فَفَرَّقُوا بَيْنَ الْأَطْفَالِ وَالْأُمَّهَاتِ، وَتَرَكَوا الطَّعَامَ وَالشَّرَابَ، وَخَرَجُوا إِلَى الصَّخْرَاءِ يَدْعُونَ اللَّهَ أَنْ يَمْتَحِنَهُم بِالْعَادِلِ، وَأَنْ يُزِيلَ عَنْهُمْ أَمْرَ الْجَائِرِ، فَأَقَامُوا ثَلَاثًا، فَأَوْحَى اللَّهُ إِلَى ذَلِكَ النَّبِيِّ، أَنْ أَخْبِرْ عِبَادِي أَنِّي قَدْ رَجَمْتُهُمْ وَأَجَبْتُ دُعَاءَهُمْ، فَجَعَلْتُ مَا بَقِيَ مِنْ غَمْرِ هَذَا الْبَارِ لَذَلِكَ الْجَائِرِ، وَمَا بَقِيَ مِنْ غَمْرِ الْجَائِرِ لِهَذَا الْبَارِ قَالَ: فَارْجِعُوا إِلَى بُيُوتِهِمْ، وَمَاتَ الْعَاقُ لَتَمَامِ ثَلَاثِ سِنِينَ، وَبَقِيَ الْعَادِلُ فِيهِمْ ثَلَاثِينَ سَنَةً، ثُمَّ تَلَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (وَمَا يُعْمَرُ مِنْ مُعَمَّرٍ وَلَا يُنْقَصُ مِنْ عُمرِهِ إِلَّا فِي كِتَابٍ إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ) ، ثُمَّ أَلْقَتْ الْمَنْصُورُ إِلَى جَعْفَرِ بْنِ مُحَمَّدٍ، فَقَالَ: يَا أَبَا عَبْدِ اللَّهِ حَدِّثْ أَخَوَاتِكَ وَبَنِي عَمِكَ بِحَدِيثِ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ عَلِيِّ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْبَرِّ²².

Sanad ini hukumnya dhoif yang bersangatan kerana pada sanadnya perawi Abdul Somad bin Ali kerana dia dhoif hadith, sebagaimana dinukil oleh Ibn Hajar dalam lisan al-mizan pendapat Abu Jaafar Al-Uqaily bahawa hadithnya ghairu mahfuz.²³

Seterusnya hadith kelima adalah seperti berikut: حديث عن أنس بن مالك رضي الله عنه، قال: سمعتُ رسولَ الله صَلَّى الله عليه وسلم، يقول: "مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ، أَوْ يُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ، فَلْيَصِلْ رَحْمَتَهُ". وهو حديث صحيح أخرجه البخاري في صحيحه في كتاب البيوع باب من أحب البسط في الرزق، ومسلم في صحيحه في كتاب البر باب صلة الرحم، وأبو داود في سننه في كتاب الزكاة باب صلة الرحم²⁴. ومعنى هذا الحديث كما نقل ابن حجر قول العلماء فيه "معنى البسط في الرزق البركة فيه وفي العمر حصول القوة في الجسد، لأن صلة أقاربه صدقة والصدقة تربي المال وتزيد فيه فيمنو بها ويزكو، لأن رزق الإنسان يكتب وهو في بطن أمه فلذلك احتيج إلى هذا التأويل، أو المعنى أنه يكتب مقيدا بشرط كان يقال إن وصل رحمه فله كذا وإلا فكذا، أو المعنى بقاء ذكره الجميل بعد الموت"²⁵.

Bukti kepalsuan hadith

Hadith ini dari pelbagai ayat dan uslub. Sebahagiannya adalah tidak ada asalnya, lafaz hadith sebagaimana dalam kitab tiada asalnya dan tiada sanadnya. Pada hakikatnya bahawa umur seseorang tidak diketahui tempohnya, ia termaktub pada azali lagi. Allah tidak melewati dan tidak menangguhkan walau sesaat pun. Sebagaimana firman Allah SWT.

"وَلَنْ يُؤَخِّرَ اللَّهُ نَفْسًا إِذَا جَاءَ أَجَلُهَا وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ" المنافقون: 63.

11. Maksudnya: Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali akan melambatkan kematian seseorang (atau sesuatu yang bernyawa) apabila sampai ajalnya dan Allah Amat Mendalam Pengetahuannya mengenai segala yang kamu kerjakan.

Kesimpulan

Kitab *al-Yawaqit wa al-Jawahir fi 'Uqubah Ahli al-Kabair*, yang dikarang oleh Muhammad Ali Bin Abdul Rasyid Bin Abdullah al-Jawi al-Qadhi al-Sambawi ditulis sekitar kurun ke 19 Masihi. Kitab ini penting dan telah digunakan secara meluas sebagai bahan pembelajaran samada di masjid-masjid dan di sekolah-sekolah pondak. Ia mengandungi hadith-hadith yang berbentuk galakan melakukan kebaikan dan amaran daripada kejahatan, terdiri 12 bab, dalamnya ada yang sahih, hasan, dhaif dan maudu'. jumlah keseluruhan hadith adalah 87 hadith, hadith maudu' sebanyak 32 hadith. Perkembangan kegiatan penulisan berlaku dengan pesat terutama pada kurun ke 18 dan seterusnya, termasuk ilmu-ilmu seperti tasawuf, fiqh, hadith, tafsir, tajwid, tauhid, akhlak, faraid dan sebagainya, ia dikenali sebagai kitab kuning tersebar di seluruh Alam Melayu seperti Pattani, Aceh, Kelantan, Johor, Terengganu, Brunai, Kalimantan dan sebagainya. Umpamanya kitab *Al-Mawahib Al-Makkiyah Fi Tajwid Al-Adabiyah* oleh Al-Syaikh Abdul Qadir Bin Abdul Rahman Al-Fatani, kitab *Kasyfu Al-Ghummah* oleh Al-Syaikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani, kitab *Tanbih Al-Ghafilin* oleh Al-Syaikh Abdullah Bin Abdul Mubin, kitab *Aqidah Al-Najin Fi 'Ilmi Usul Al-Din* oleh Al-Syaikh Zainul Abidin Bin Muhammad Al-Fatani, kitab *Al-Jawhar Al-Mawhub Wa Munabbihat Al-Qulub* oleh Al-Syaikh Ali Kutani, kitab *Miftah Al-Jannah Fi Ilmi Usul Al-Din* oleh Al-Syaikh Muhammad Taib Ibn Mas'ud Al-Banjari dan lain-lain lagi.

Kitab *Al-Yawaqit Wa Al-Jawahir Fi 'Uqubati Ahli Al-Kabair* ini adalah penting dalam masyarakat kita, kerana di dalamnya dimuatkan sejumlah hadith yang dapat mendidik peribadi muslim yang taat dan patuh kepada perintah Allah SWT dan takut melakukan dosa. Hadithnya berbentuk amaran dan celaan ke atas sesiapa yang melakukan maksiat kepada Allah SWT seperti meninggalkan solat, ancaman ke atas penzina, peliwat,

²² أبوبكر أحمد بن علي الخطيب البغدادي. تاريخ بغداد. ج 1. ص 386؛ وابن عساکر. تاريخ دمشق. ج 36. ص 243؛

²³ شهاب الدين ابن حجر العسقلاني. لسان الميزان. ج 4. ص 370.

²⁴ محمد بن إسماعيل البخاري (2000م)، صحيح البخاري. كتاب البيوع. باب من أحب البسط في الرزق. الرياض: دار السلام. ج 4. ص 381؛ مسلم بن الحجاج النيسابوري (2004م) صحيح مسلم. كتاب البر. باب صلة الرحم. بيروت: دار المعرفة. ج 16. ص 320؛ أبو داود سليمان بن الأشعث (بدون التاريخ)، سنن أبي داود. تحقيق محمد محي الدين. كتاب الزكاة. باب صلة الرحم. بيروت: المكتبة العصرية. ج 2. ص 132.

²⁵ شهاب الدين ابن حجر العسقلاني (2000م)، فتح الباري شرح صحيح البخاري. الرياض: دار السلام. ج 4. ص 382.

minum arak, makan harta riba, derhaka kepada kedua ibu bapa dan lain-lain lagi. Juga hadith-hadith berkaitan galakan agar melakukan suruhan Allah SWT, mendidik pembaca supaya mereka sentiasa berusaha melakukan amalan ibadat dan kebajikan dengan itu ia dapat mendidik peribadi muslim menjadi insan soleh yang mencari keredhaan Allah SWT. Namun terhadap juga kekurangan-kekurangan padanya iaitu tidak menyatakan sumber hadith umpamanya daripada Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Tirmizi atau kitab-kitab hadith yang lain. Juga tidak ada status hadith seperti sahih, dhoef, hasan dan maudu'. Contoh hadith Mawdu': *Sabda Rasulullah SAW, Aku berwasiat akan kamu bahawa jangan kamu meninggalkan sembahyang, dan berbuat bakti bagi ibu bapa kamu, dan jangan kamu menyakiti akan sahaya kamu dengan perkara yang tiada kuasanya, kerana bahawasanya orang yang berbuat bakti kepada ibu bapanya itu bertambah2 panjang umurnya. Sabdanya demi tuhan yang menjadikan akan daku dengan tangan kudratNya bahawa adalah seorang hamba sesungguhnya telah tinggalah daripada umurnya tiga tahun kemudian maka sembahnya berbuat bakti ia akan ibu bapanya maka dijadikan Allah Ta'ala akan umurnya yang tiga tahun itu tiga puluh tahun.*

Lafaz hadith seperti yang termaktub tidak dapat dijumpai dalam kitab hadith tetapi terdapat lafaz yang berlainan yang hampir sama sudut maknanya, demikian itu dalam dua hadith. Hadith pertama berkaitan wasiat Nabi SAW dan hadith kedua ialah bertambah umur dengan sebab melakukan kebaikan.

Rujukan

- °Abd al-Mahdi b. °Abd al-Qādir b. °Abd al-Hādī. 1987. *Ṭuruq takhrīj Ḥadīth Rasūlullā (s.a.w)*. t.tp: Dār al-ʿItisām.
- Abū Dāwūd, Sulaymān b. al-Asʿas al-Sajastānī. 1971. *Sunan Abū Dāwūd*. Taḥ. ʿIzzat ʿUbayd al-Daʿās. Hims: t.pt.
- Abū Ḥatīm al-Rāzī, Abū Muḥammad ʿAbd al-Raḥmān b. Abū Ḥatīm. 1959. *al-Jarḥ wa al-taʿdīl*. al-Hind: Maṭbaʿah Majlis Dāʿirat al-Maʿārif al-ʿUthmāniyyah.
- Abū Nuʿaym, Aḥmad b. ʿAbd Allāh b. Aḥmad al-Aṣbahānī. 1988. *Ḥilyat al-awliyāʾ wa ṭabaqāt al-aṣfiyāʾ*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

- al-Albānī, Muḥammad Naṣir al-Dīn. 1979. *Daʿif al-jāmiʿ al-ṣaḡhīr wa ziyādātih*. Ed. ke-2. Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī.
- al-Albānī, Muḥammad Naṣir al-Dīn. 1985. *Silsilat al-aḥādīth al-daʿīfah wa al-mawḍūʿah wa atharuhā al-sayyiʾ fī al-ummah*. Ed. ke-5. Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī.
- al-Bukhārī, Abū ʿAbd Allāh Muḥammad b. Ismāʿīl. t.th. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dalam Ibn Ḥajar. *Fath al-Bārī fī sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Taḥ. Muḥammad Fuʿād ʿAbd al-Bāqī. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- al-Dhahabī, Muḥammad b. Aḥmad b. ʿUthmān. 1986. *Kitāb al-Kabāʾir*. Taḥ. Dr. al-Sayyid al-Jumaylī. Bayrūt: Dār Ibn Zaydūn.
- al-Dhahabī, Muḥammad b. Aḥmad b. ʿUthmān. t.th. *Mizān al-ʾitidāl fī naqd al-rijāl*. Sunt. ʿAlī Muḥammad al-Bajāwī. Miṣr: Dār Iḥyāʾ al-kutb al-ʿArabī.
- al-Ghazālī, Abū Ḥamid Muḥammad b. Muḥammad. 1967. *Iḥyāʾ ʿulūm al-dīn*. al-Qāhirah: Muʾassasah al-Ḥalabī wa Shurakāh li al-Nashr wa al-Tawzīʿ.
- Ḥaddād, Abū ʿAbd Allāh Maḥmūd b. Muḥammad (pyg.). 1987. *Takhrīj al-aḥādīth Iḥyāʾ ʿulūm al-dīn li al-Subkī wa al-ʿIrāqī wa al-Zabīdī*. al-Riyāḍ: Dār al-ʿĀṣimah.
- Hadis Palsu dalam Kitab Kuning. 1994. *Majalah Tempo*. 15 Januari: 46.
- al-Ḥākim, Abū ʿAbd Allāh Muḥammad b. ʿAbd Allāh b. Muḥammad al-Nisābūrī. 1978. *al-Mustadrak ʿalā al-ṣaḥīḥayn fī al-Ḥadīth*. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- al-Hindī, ʿAlāʾ al-Dīn al-Muttaqī b. Hisām al-Dīn. 1989. *Kanz al-ʿummāl fī sunan al-aqwāl wa al-aḥdāl*.

- Sunt. Bakar Ḥayyānī. Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah.
- Ibn Abī al-Dunyā, Abū Bakar °Ubayd. 1993a. *al-Ghibah wa al-namimah*. Taḥ. Muṣṭafā °Abd al-Qādir °Aṭā'. Bayrūt: Mu'assasah al-Kutub.
- Ibn °Adiy, Abū Aḥmad °Abd Allāh al-Jarjānī. 1988. *al-Kāmil fī du'afa' al-rijāl*. Taḥ. Yahyā Mukhtār al-Ghazāwī. Ed. ke-3. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Ibn Ḥajar, Abū al-Faḍl Aḥmad b. °Alī al-°Asqallānī. 1328 H/1910. *Tahdhīb al-tahdhīb*. al-Hind: Majlis Dā'irah al-ma'ārif al-Nizāmiyyah.
- Ibn al-Jawzī, Abū al-Farj °Abd al-Raḥmān b. °Alī. 1983. *al-Mawḍi'at*. Taḥ. °Abd al-Raḥmān Muḥammad °Uthmān. Ed. 2. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Ibn Mājah, Abū °Abd Allāh °Umar b. Yazīd al-Qazwīnī. t.th. *Sunan Ibn Mājah*. Taḥ. Muḥammad Fu'ād °Abd al-Bāqī. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Ibn Sa'ad, Abū °Abd Allāh Muḥammad b. Sa'ad b. Manī°. 1958. *al-Ṭabaqāt al-kubrā*. Bayrūt: Dār Ṣādir dan Dār Bayrūt.
- Muḥammad Maḥmūd Bakkār. Dr. 1996. *°Ilm takhrij al-Ḥadīth*. Ed. ke-2. t.tp: t.pt.
- Muslim b. Ḥajjāj al-Qushayrī. t.th. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Taḥ. Muḥammad Fu'ād °Abd al-Bāqī. Istanbūl: al-Maktabah al-Islāmiyyah.
- al-Nasā'ī, Abū °Abd al-Raḥmān Aḥmad b. Shu'ayb. 1988. *Sunan al-Nasā'ī*. Sunt. °Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. Ed. ke 3. Bayrūt: Dār al-Bashā'ir.
- al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yahyā b. Sharaf al-Dimashqī. 1983. *al-Adhkār al-muntakhab min kalām Sayyid al-mursalīn (s.a.w)*. Taḥ. Aḥmad Rātib Ḥammūsh. Dimashq: Dār al-Fikr.
- al-Ṣaghānī, Abū al-Faḍl al-Ḥasan b. Muḥammad b. al-Ḥasan. 1985. *Mawḍi'at al-Ṣaghānī*. Taḥ. Dr. Najm °Abd al-Raḥmān Khalaf. Dimashq: Dār al-Ma'mūn li al-Turāth.
- al-Ṣan'ānī, °Abd al-Razzāq b. Hammām. 1983. *al-Muṣannaf*. Taḥ. Ḥabīb al-Raḥmān al-A'zamī. Ed. ke-2. Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī.
- Shākir, Aḥmad Muḥammad (pentaḥqīq). 1995. *Musnad Aḥmad bin Ḥanbah*. al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- al-Shawkānī, Muḥammad b. °Alī. t.th. *Nayl al-awṭār sharḥ Muntaqā al-akhbār min Alḥadīth Sayyid al-akhayr*. Miṣr: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Abū al-Faḍl °Abd al-Raḥmān b. Abū Bakar. 1983. *al-La'ḍi' al-maṣnū'ah fī al-aḥādīth al-mawḍi'ah*. Bayrūt: Dār al-Ma'rifah.
- al-Ṭabarānī, Abū al-Qāsim Sulaymān b. Aḥmad b. Ayyūb. 1986. *al-Mu'jam al-awsaṭ*. Taḥ. Maḥmūd Ṭaḥṭān. al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif.
- al-Ṭabarānī, Abū al-Qāsim Sulaymān b. Aḥmad b. Ayyūb. 1987. *al-Du'ā'*. Taḥ. Dr. Muḥammad Sa'īd b. Muḥammad Muḥsin al-Bukhārī. Lubnān: Dār al-Bashā'ir.
- Zaghlūl, Abū Ḥājir Muḥammad al-Sa'īd Basyūnī. 1989. *Mawsū'ah aṭrāf al-Ḥadīth al-Nabawī al-sharīf*. Bayrūt: °Ālam al-Turāth.